

SIJIL INDUK

Takaful *myProtect* Home

APAKAH YANG MEMBENTUK SIJIL INI

Sijil ini tidak akan melindungi segala kemungkinan yang mungkin berlaku terhadap **Anda**.

Sila baca **Sijil Anda** dengan teliti bagi memastikan **Anda** memahami tentang apa yang dilindungi, terma dan syarat yang terpakai dan **Anda** hendaklah memastikan **Anda** berpuashati dengan **Takaful** ini.

Tajuk-tajuk yang tertera bukan sebahagian daripada kandungan Sijil.

BAHAWASANYA **Anda** seperti yang dinamakan dalam **e-Sijil** bersetuju untuk menyertai Takaful myProtect Home dan memberi sebahagian **Sumbangan** ke dalam **Dana Takaful Am ("DTA")** berdasarkan **Tabarru'**. **Anda** membenarkan **Kami** berdasarkan **Wakalah** untuk menguruskan **DTA** dan sebagai balasan, **Kami** akan menerima yuran **Wakalah**.

Peserta bersetuju bahawa sebarang lebihan boleh agih yang timbul daripada **DTA** seperti yang ditentukan oleh **Kami** akan diagihkan sekurang-kurangnya lima puluh peratus (50%) kepada peserta yang layak berdasarkan **Hibah** dan baki lebihan boleh agih akan dibayar kepada **Kami** sebagai insentif prestasi berdasarkan **Ju'alah**. Jika **DTA** mengalami defisit, **Peserta** bersetuju untuk menerima pinjaman tanpa manfaat yang akan **Kami** berikan kepada **DTA** berdasarkan **Qard**.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (**TIPS**) PIDM atau hubungi Takaful Malaysia atau PIDM (layari www.pidm.gov.my/my).

Diguna pakai untuk Kontrak Takaful Pengguna

Sijil ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran **Sumbangan** yang dinyatakan di dalam **e-Sijil** dan menurut jawapan yang diberikan dalam Borang Cadangan **Anda** (atau semasa memohon **Takaful**) dan mana-mana pernyataan yang telah dibuat oleh **Anda** antara semasa Penyerahan Borang Cadangan **Anda** (atau semasa memohon **Takaful**) dan masa kontrak ini ditandatangani. Jawapan dan segala pernyataan yang diberikan oleh **Anda** hendaklah menjadi sebahagian daripada kontrak **Takaful** ini di antara **Anda** dan pihak **Kami**. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak yang dibuat dalam berhubung dengan jawapan **Anda** atau mana-mana pernyataan yang diberikan oleh **Anda**, hanya remedi yang terdapat di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.

Sijil, **e-Sijil** dan **Pengendorsan** hendaklah dibaca bersama kerana mereka membentuk kontrak **Takaful Anda**.

Sijil ini mengandungi terma dan syarat kontrak **Takaful** seperti yang dipersetujui antara **Anda** dan pihak **Kami**.

Sijil ini menyatakan apa yang dilindungi terhadap **Anda** sepertimana yang ditunjukkan di dalam **e-Sijil** dan keadaan di mana **Anda** tidak dilindungi.

Sesetengah perkataan dan ekspresi dicetak dalam **huruf tebal** kerana ianya mempunyai makna yang khusus di dalam **Sijil** ini. **Anda** boleh menyemak makna tersebut di bahagian Glosari.

Perlindungan yang diperuntukan di bawah **Sijil** ini adalah bergantung sepenuhnya kepada **Anda** untuk mematuhi dan memenuhi sepenuhnya terma-terma, peruntukan-peruntukan, **Pengendorsan** dan fasal-fasal **Sijil** ini.

KEWAJIPAN ANDA UNTUK MEMBERITAHU KAMI

Kewajipan Pendedahan

Diguna pakai untuk Kontrak Takaful Pengguna

Sekiranya **Anda** telah memohon untuk **Takaful** ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** mempunyai tanggungjawab untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon **Takaful** ini) iaitu **Anda** harus menjawab soalan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak **Takaful Anda**, penolakan atau pengurangan tuntutan **Anda**, perubahan terma atau penamatan kontrak **Takaful Anda** selaras dengan remedi dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Anda juga dikehendaki mendedahkan apa-apa perkara lain yang **Anda** tahu akan mempengaruhi keputusan **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai. **Anda** juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan segera jika pada bila-bila masa selepas kontrak **Takaful** telah dibuat, diubah atau diperbaharui dengan **Kami** apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon **Takaful** ini) tidak tepat atau telah berubah.

Notis berkenaan Takaful/Insurans Lain

Anda dikehendaki memberitahu **Kami** tentang sebarang pembelian/penyertaan takaful/insurans lain semasa menyertai **Takaful** ini, dan juga semasa **Tempoh Perlindungan Takaful** ini, yang melindungi mana-mana harta yang sama yang dilindungi di bawah **Sijil** ini.

Notis tersebut hendaklah diberi dan disahkan oleh **Kami** di dalam **Sijil** ini sebelum berlaku apa-apa kerugian atau kerosakan, yang mana jika gagal semua manfaat di bawah **Sijil** ini boleh terbatal.

FASAL MELINDUNGI

Kami akan melindungi **Isi Kandungan** seperti yang ditunjukkan di dalam **e-Sijil Anda** sepanjang **Tempoh Perlindungan Takaful** selepas melantik **Kami** di bawah kontrak **Wakalah**.

Perlindungan ini diberikan atas dasar bahawa **Anda** bersetuju untuk membayar **Sumbangan** kepada **Kami** untuk perlindungan.

Sehubungan dengan apa-apa **Kejadian Yang Dilindungi** yang berlaku dalam **Tempoh Perlindungan Takaful** dan tertakluk kepada had-had, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat yang terkandung atau disahkan di dalam **Sijil**, **Kami** akan, melalui bayaran atau melalui pengembalian semula atau pembaikan, mengganti rugi **Anda** terhadap kerugian atau kerosakan kepada harta yang dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam **e-Sijil**.

Sijil ini melindungi **Anda** sehingga amaun **Jumlah Dilindungi** seperti yang dinyatakan di dalam **e-Sijil** untuk kerugian atau kerosakan kepada **Isi Kandungan** bangunan **Anda** yang disebabkan oleh **Kejadian Yang Dilindungi**.

Isi Kandungan Anda

“**Isi Kandungan**” bermakna segala jenis barangan isi rumah dan setiap **Barangan Peribadi** yang dihuraikan, kepunyaan **Anda** atau mana-mana ahli **Keluarga Anda** yang biasanya menghuni bersama **Anda** yang terkandung di Rumah Kediaman Persendirian, Rumah Pangsa atau Pangsapuri dan semua pejabat domestik, kandang, garaj dan bangunan-bangunan luar domestik yang digunakan semata-mata yang berkaitan dengannya di atas **Premis** yang sama yang dinyatakan di dalam **e-Sijil**.

Apa yang Dilindungi	Apa yang Tidak Dilindungi
Isi Kandungan yang dilindungi adalah terhad kepada: (a) Tiada satu barang pun (tidak termasuk perabut, piano, organ, peralatan rumahtangga, radio, set televisyen, set perakam video, peralatan Hi-Fi) yang harus mempunyai nilai lebih besar daripada lima peratus (5%) daripada keseluruhan Jumlah Dilindungi ke atas Isi Kandungan, kecuali barangan tersebut secara khusus diisytiharkan sebagai butiran yang berasingan; (b) Jumlah nilai barangan platinum, emas dan perak, barang kemas dan pakaian bulu hendaklah tidak melebihi satu per tiga daripada keseluruhan Jumlah Dilindungi ke atas Isi Kandungan.	Isi Kandungan yang dilindungi tidak termasuk: (a) Mana-mana bahagian struktur atau siling, kertas dinding atau yang seumpamanya; (b) Harta yang dilindungi di bawah Sijil yang lebih khusus; (c) Surat ikatan, bon, bil pertukaran, nota janji hutang, cek, sekuriti untuk wang, setem, sebarang bentuk dokumen, wang tunai, mata wang kertas, nota bank, manuskrip, pingat dan duit syiling, kenderaan bermotor dan aksesori atau ternakan, kecuali secara khusus dinyatakan di dalam e-Sijil.

WARANTI YANG DIGUNAKAN

Sijil ini adalah tertakluk kepada **Waranti** berikut:

Waranti Larangan Barangan Perniagaan

Tiada mana-mana pun bahagian **Premis** digunakan untuk membuat atau meletak atau menyimpan barangan perniagaan semasa **Tempoh Perlindungan Takaful** ini.

KEJADIAN YANG DILINDUNGI

Apa yang Dilindungi	Apa yang Tidak Dilindungi
Kami akan memberi perlindungan untuk kerugian atau kerosakan kepada Isi Kandungan Anda yang disebabkan oleh mana-mana yang berikut: - Kebakaran, Kilat, Petir, Kebakaran Bawah Tanah. - Letupan. - Pesawat Udara atau Peranti Udara Lain dan/atau benda yang gugur daripadanya. - Hentaman terhadap mana-mana bangunan: - Untuk Kediaman Persendirian, oleh sebarang kenderaan jalan raya atau binatang bukan kepunyaan atau dibawah kawalan: Anda; atau - ahli Keluarga Anda - Untuk Blok Rumah Pangsa Atau Pangsapuri, oleh sebarang kenderaan jalan raya atau binatang bukan kepunyaan atau dibawah kawalan: Anda; - Ejen atau pembantu Anda; atau - Mana-mana orang yang mendiami Rumah Pangsa atau Pangsapuri Persendirian - Pecahnya atau Melimpahnya Tangki, Peralatan atau Paip Air Rumah.	- Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00) yang pertama. - Kemusnahan atau kerosakan yang berlaku ketika Rumah Kediaman Persendirian tidak dihuni.

- | | |
|---|--|
| <p>6. Kecurian, tetapi hanya jika disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau ke luar daripada sesebuah bangunan atau sebarang percubaan dengan menggunakan kekerasan dan keganasan sebenar.</p> <p>7. Hurikan, Siklon, Taufan, Ribut Angin.</p> <p>8. Gempa Bumi, Letusan Gunung Berapi.</p> <p>9. Banjir.</p> <p>10. Rompakan dan tahan di dalam Premis harta benda Anda.</p> <p>11. Rusuhan, Mogok dan Niat Jahat.
 Melindungi kerugian atau kerosakan ke atas Isi Kandungan yang dilindungi secara langsung disebabkan oleh:</p> <ol style="list-style-type: none"> (1) Perbuatan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama yang lain dalam mana-mana kekacauan ketenteraman awam (sama ada berkaitan atau tidak dengan mogok atau sekat-masuk) yang bukan Kejadian yang disebut di dalam butiran (a), (b) dan (c) di bawah bahagian "Apa yang Tidak Dilindungi" dari perluasan ini. (2) Perbuatan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah dalam menghalang atau cuba menghalang mana-mana kekacauan atau dalam mengurangkan akibat daripada kekacauan tersebut. (3) Perbuatan oleh mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat-masuk dalam meneruskan pemogokan atau menentang penyekatan masuk. (4) Perbuatan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah dalam menghalang atau cuba menghalang apa-apa tindakan tersebut atau mengurangkan akibat daripada tindakan tersebut. | <ol style="list-style-type: none"> (a) Sekiranya Rumah Kediaman Persendirian tidak dihuni lebih daripada sembilan puluh (90) hari sama ada secara berturut-turut atau tidak dalam mana-mana satu Tempoh Perlindungan Takaful, perlindungan ini akan digantung sementara melainkan dipersetujui oleh Kami melalui Pengendorsan. (b) Kerugian atau kerosakan akibat daripada kecurian oleh pembantu domestik Anda atau mana-mana ahli Keluarga Anda. <p>(a) Sebanyak satu peratus (1%) pertama daripada keseluruhan Jumlah Dilindungi atau Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00) yang mana lebih rendah.</p> <p>(b) Kerugian atau kerosakan kepada:</p> <ol style="list-style-type: none"> (i) Mana-mana bangunan semasa dalam pembinaan, pembinaan semula atau pembaikan kecuali semua pintu luar, tingkap dan bukaan lain adalah lengkap dan dilindungi; (ii) Cerobong asap logam, bidai kajang, papan tanda dan Kelengkapan atau Perkakas luar yang lain termasuk pintu pagar dan pagar. <p>Sebanyak satu peratus (1%) pertama daripada keseluruhan Jumlah Dilindungi atau Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00) yang mana lebih rendah.</p> <p>(a) Sebanyak satu peratus (1%) pertama daripada keseluruhan Jumlah Dilindungi atau Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00) yang mana lebih rendah.</p> <p>(b) Kerugian atau kerosakan kepada bangunan yang disebabkan oleh penenggelaman atau gelinciran tanah kecuali disebabkan oleh gempa bumi atau letusan gunung berapi.</p> <p>Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada, secara langsung atau tidak langsung, dari mana-mana Kejadian berikut, iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> (a) Peperangan, serangan, tindakan musuh luar, permusuhan atau operasi seakan peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara. (b) Semua jenis pemberontakan, kekacauan awam yang boleh dianggap menghampiri tahap kebangkitan awam, kebangkitan ketenteraan, revolusi, ketenteraan atau rampasan kuasa. (c) Sebarang tindakan keganasan. <p>Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermakna suatu tindakan, tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ancaman yang seumpamanya, oleh seseorang atau orang berkumpul sama ada bertindak sendiri atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, komited untuk tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan yang serupa termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletakkan orang awam atau mana-mana lapisan masyarakat berada dalam ketakutan.</p> |
|---|--|

- (5) Perbuatan niat jahat oleh mana-mana orang (sama ada perbuatan tersebut dilakukan semasa berlakunya kekacauan bagi ketenteraman awam atau pun tidak) samada perbuatan sedemikian tidak bermaksud atau mempunyai kaitan dengan **Kejadian** yang disebutkan di dalam butiran (a), (b) dan (c) dibawah bahagian “Apa yang Tidak Dilindungi” dari peluasan ini.

Purata

Sekiranya **Isi Kandungan** yang dilindungi, pada ketika berlakunya kebakaran atau semasa bemulanya apa-apa kemusnahan atau kerosakan ke atas harta tersebut oleh mana-mana peril lain yang dilindungi di bawah peluasan ini secara kolektifnya mempunyai nilai yang lebih besar daripada **Jumlah Dilindungi** ke atasnya, maka, **Anda** hendaklah bertanggungjawab ke atas perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung bahagian yang setimpal daripada jumlah kerugian. Keadaan ini akan diguna pakai secara berasingan untuk setiap butiran yang dilindungi.

Tertakluk sebaliknya kepada syarat-syarat dan terma dalam **Sijil**.

12. Penenggelaman dan Gelinciran Tanah.

Melindungi kerugian atau kerosakan kepada harta yang dilindungi yang disebabkan oleh:

- (i) penenggelaman dan/atau lonjakan tapak tanah bangunan yang didirikan atau tanah kepunyaannya; atau
- (ii) gelinciran tanah.

Tertakluk kepada syarat dan terma dalam **Sijil**.

Dalam apa-apa tindakan, guaman atau prosiding lain, di mana, apabila **Kami** mengatakan bahawa dengan sebab peruntukan bagi Syarat ini, sebarang kerugian atau kerosakan adalah tidak dilindungi oleh **Takaful** ini, beban membuktikan bahawa kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi, adalah bergantung kepada **Anda**.

- (d) Berkaitan dengan perbuatan niat jahat, **Kami** tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan oleh kebakaran atau letupan mahupun kerugian atau kerosakan akibat daripada pecah masuk, pecah rumah kecurian atau larceni atau ancaman daripada mana-mana orang yang mengambil bahagian.
- (e) Kerugian pendapatan, kerugian akibat kelewatan, kerugian pasaran atau lain-lain **Kerugian Turutan** atau kerosakan secara turutan atau dalam apa jua jenis/perihal sekalipun.
- (f) Kerugian atau kerosakan yang berpunca daripada pemberhentian kerja secara keseluruhan atau sebahagian atau memperlambatkan atau gangguan atau pemberhentian mana-mana proses atau operasi.
- (g) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kehilangan sementara atau kekal yang berpunca daripada penyitaan, perampasan atau pengambilan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah.
- (h) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kehilangan sementara atau kekal mana-mana bangunan yang berpunca daripada pendudukan secara tidak sah oleh seseorang ke atas bangunan tersebut.

Untuk (g) atau (h) di atas, liabiliti **Kami** terhadap **Anda** tidak akan dilepaskan terhadap kerosakan fizikal ke atas harta yang dilindungi yang berlaku sebelum kehilangan atau dalam tempoh kehilangan sementara.

Kami tidak akan membayar kerugian atau kerosakan:

- (a) ke atas kolam renang, teres, patio, laluan kenderaan, laluan pejalan kaki, dinding, pintu pagar dan pagar kecuali bangunan, bahagian lain yang terpisah daripadanya atau garaj yang dirosakkan oleh sebab yang sama dalam waktu yang sama;
- (b) ke atas atau yang berpunca dari pergerakan bidur lantai yang kukuh kecuali asas binaan di bawah dinding luaran Bangunan yang rosak oleh sebab yang sama dan dalam waktu yang sama;
- (c) akibat secara langsung atau tidak langsung oleh:
 - 1. **Hakisan** pantai atau sungai;
 - 2. Perobohan, pengubahsuaian struktur atau pembaik pulih struktur;
 - 3. Kecacatan pada reka bentuk atau pembinaan asas yang tidak sepadan.
- (d) Manfaat ini adalah tertakluk kepada **Ekses** berikut dan ia diguna pakai untuk setiap kerugian:
 - 1. Lima peratus (5%) dari **Jumlah Dilindungi** atau Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Ribu (RM25,000) mana-mana yang lebih rendah, seperti yang ditetapkan setelah mengambil kira syarat-syarat purata.

13. Kerosakan akibat pokok tumbang atau dahan jatuh dan objek daripadanya. Kerugian atau kerosakan kepada harta benda yang dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam **e-Sijil** secara langsung akibat dari pokok tumbang atau dahan jatuh dan objek daripadanya. Dengan syarat bahawa semua syarat **Sijil** hendaklah terpakai seolah-olah ia telah dimasukkan di sini dan untuk tujuan ini apa-apa kerugian atau kerosakan seperti yang dinyatakan di atas akan dianggap sebagai kerugian atau kerosakan akibat kebakaran.

Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250.00) yang pertama bagi setiap tuntutan seperti yang ditetapkan setelah mengambil kira syarat-syarat purata.

MANFAAT TAMBAHAN

lanya merujuk kepada manfaat tambahan disediakan untuk **Anda** tanpa sebarang **Sumbangan** tambahan, tetapi tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalam **Sijil**.

(A) Isi Kandungan Yang Dipindahkan Sementara

Apa yang Dilindungi	Apa yang Tidak Dilindungi
Anda dilindungi bagi Kejadian Yang Dilindungi apabila Isi Kandungan dipindahkan sementara daripada Kediaman Persendirian Anda, tetapi masih dalam Kawasan Geografi, dengan syarat Isi Kandungan tersebut tidak dilindungi di bawah Sijil Takaful / polisi insurans lain. Had liabiliti bagi manfaat ini adalah lima belas peratus (15%) daripada keseluruhan Jumlah Dilindungi ke atas Isi Kandungan.	(a) Isi Kandungan yang dipindahkan untuk jualan atau pameran; (b) Isi Kandungan yang diletakkan di tempat simpanan perabot; (c) Kerugian akibat Kejadian Yang Dilindungi (7) (hurikan, siklon, taufan, ribut angin), Kejadian Yang Dilindungi (8) (gempa bumi, letusan gunung berapi) dan Kejadian Yang Dilindungi (9) (Banjir) ketika Isi Kandungan dalam transit.

(B) Kepecahan kepada Cermin Kaca

Apa yang Dilindungi	Apa yang Tidak Dilindungi
Anda dilindungi bagi kepecahan kepada cermin kaca ketika di dalam Kediaman Persendirian. Had liabiliti adalah Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500.00) sekeping setiap kemalangan.	Cermin tangan

(C) Pampasan Untuk Kematian

Apa yang Dilindungi	Apa yang Tidak Dilindungi
Anda dilindungi terhadap kecederaan membawa maut (kematian) yang terjadi dalam Rumah Kediaman Persendirian akibat keganasan luaran atau jelas nyata disebabkan oleh pencuri atau kebakaran, jika kematian berlaku dalam tempoh tiga (3) bulan kalendar selepas kecederaan tersebut. Sekiranya terdapat lebih dari satu (1) nama peserta, Kami akan bertanggungjawab hanya pada satu bahagian pro rata daripada pampasan. Had liabiliti yang dibenarkan untuk manfaat ini adalah Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000.00) atau setengah daripada keseluruhan Jumlah Dilindungi ke atas Isi Kandungan, mana-mana yang lebih rendah.	

(A) Harta Pembantu Rumah

Apa yang Dilindungi	Apa yang Tidak Dilindungi
Anda dilindungi bagi kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh suatu Kejadian Yang Dilindungi terhadap pakaian dan Barangan Peribadi kepunyaan pembantu domestik Anda , yang tinggal bersama Anda atau Keluarga Anda dalam Kawasan Geografi seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil , dengan syarat harta tersebut tidak dilindungi di bawah Sijil Takaful/polisi insurans lain.	(a) Wang tunai, mata wang kertas, nota bank dan setem.

(B) Perlindungan Sewa

Apa yang Dilindungi	Apa yang Tidak Dilindungi
Selaku penghuni, Kami akan membayar perbelanjaan tambahan yang munasabah yang perlu ditanggung oleh Anda semasa di hotel, rumah tumpangan atau rumah penginapan akibat daripada suatu Kejadian Yang Dilindungi , bagi tempoh yang diperlukan untuk pengembalian semula. Had liabiliti keseluruhan tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada keseluruhan Jumlah Dilindungi ke atas Isi Kandungannya . Manfaat ini adalah tambahan kepada keseluruhan Jumlah Dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil .	

(C) Liabiliti kepada Awam

Apa yang Dilindungi	Apa yang Tidak Dilindungi
Kami akan mengganti kerugian Anda atau pasangan Anda terhadap liabiliti undang-undang dimana Anda mungkin dipertanggungjawabkan berhubung dengan kemalangan atau siri kemalangan yang terjadi dari satu Kejadian , dalam Tempoh Perlindungan Takaful pada harta atau kecederaan anggota badan kepada mana-mana orang yang bukan merupakan ahli Keluarga , atau yang berkhidmat dengan Anda : Liabiliti selaku Penghuni yang berkaitan dengan kemalangan di dalam atau sekitar Rumah Kediaman Persendirian. Had liabiliti Kami hendaklah tidak melebihi RM50,000 untuk mana-mana satu kemalangan atau siri kemalangan yang dianggap terjadi dari satu Kejadian terhadap Isi Kandungan tersebut. Kami juga akan membayar Ganti Rugi kepada Anda atau pasangan: (i) Sebarang kos perundangan dan perbelanjaan yang boleh diperolehi semula daripada Anda atau pasangan Anda oleh mana-mana pihak yang menuntut dengan syarat kos dan perbelanjaan tersebut ditanggung sebelum tarikh Kami sepatutnya membayar atau menawarkan untuk membayar sama ada amaun penuh tuntutan tersebut atau jumlah amaun yang boleh diperolehi semula yang berkaitan dengan mana-mana satu Kejadian.	(a) Sebarang tuntutan yang dikeluarkan terhadap Anda atau pasangan Anda, di mana-mana mahkamah negara-negara di luar Malaysia. (b) Semua kos perundangan dan perbelanjaan yang mana tidak dikenakan atau boleh diperolehi semula di Malaysia. (c) Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas kecederaan atau kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan: - Pemunyaan, pemilikan atau penggunaan oleh atau bagi pihak Anda atau pasangan Anda akan sebarang lif, kenderaan atau kapal walau apapun jenisnya; - Menjalankan kerja pengubahan, penambahan, pembaikan atau penghiasan kepada bangunan Anda; - Kerosakan kepada harta oleh kebakaran, penenggelaman atau letupan (selain dari letupan yang diakibatkan oleh dandang domestik) yang dipasang kepada rumah pangsa atau pangsapuri individu dalam Bangunan yang dilindungi; - Apa-apa perjanjian kontrak; - Asbestos atau pendedahan atau potensi terdedah kepada asbestos, apa-apa kecederaan atau kerosakan sebenar atau yang dianggap berkaitan dengan asbestos melibatkan penggunaan, kehadiran, kewujudan, pengesanan, pengalihan, pembuangan atau penghindaran dari asbestos;

(ii) Kos perundangan dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Anda atau pasangan Anda dengan persetujuan Kami. Kami akan membayar pampasan kepada wakil sah peribadi Anda sekiranya berlaku kematian kepada Anda berhubung dengan liabiliti yang ditanggung oleh Anda atau pasangan Anda, dengan syarat wakil sah peribadi Anda mematuhi dan memenuhi dan tertakluk kepada terma, syarat serta had di dalam Sijil.	6. Mana-mana bahagian Bangunan yang dilindungi yang digunakan berkaitan dengan pekerjaan atau perniagaan Anda.
---	--

PENGECUALIAN AM

Anda tidak akan dilindungi di bawah keadaan-keadaan berikut:

Pengecualian Am 1

Kami tidak akan melindungi kerugian atau kerosakan atau kontigensi lain yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- (a) Peperangan, serangan, tindakan musuh luar, permusuhan atau operasi seakan peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara;
- (b) Dahagi, rusuhan, pemberontakan, kebangkitan tentera atau orang awam, revolusi, rampasan kuasa pihak tentera, pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab-sebab yang menentukan pengisytiharan atau pengekalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan; dan
- (c) Sebarang tindakan keganasan.

Untuk tujuan ini suatu tindakan keganasan bermakna suatu tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ancaman yang seumpamanya oleh seseorang atau orang berkumpulan, sama ada bertindak sendiri atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan yang serupa termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk meletakkan orang awam atau mana-mana lapisan masyarakat berada dalam ketakutan.

Apa-apa kerugian atau kerosakan atau kontigensi lain yang berlaku semasa kewujudan keadaan yang luar biasa (sama ada fizikal atau sebaliknya) yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, mana-mana **Kejadian** tersebut hendaklah dianggap sebagai kerugian, kerosakan atau suatu kontigensi yang tidak dilindungi oleh **Takaful** ini. **Anda** perlu membuktikan bahawa kerugian, kerosakan atau kontigensi lain yang tersebut berlaku secara berasingan daripada kewujudan keadaan yang luar biasa tersebut.

Dalam apa-apa tindakan, guaman atau prosiding lain, di mana, apabila **Kami** mengatakan bahawa dengan sebab peruntukan bagi Syarat ini, sebarang kerugian atau kerosakan adalah tidak dilindungi oleh **Takaful** ini, beban untuk membuktikan bahawa kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi adalah bergantung kepada **Anda**.

Pengecualian Am 2

Kami tidak akan melindungi kerugian atau kerosakan:

- a) Yang disebabkan oleh pemberhentian kerja, atau oleh sebab perampasan, penyitaan ketenteraan, rekuisisi atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan perintah kerajaan de jure atau de facto atau mana-mana Perbandaran Awam atau Pihak Berkuasa Tempatan Negara atau kawasan terletaknya harta tersebut;
- b) Kepada harta melalui fermentasi, pemanasan semula jadi atau kebakaran spontan atau oleh sebab ia melalui sebarang proses pemanasan atau pengeringan;
- c) Yang timbul daripada atau akibat daripada atau berpunca daripada bahan senjata nuklear;

- d) Yang timbul daripada atau akibat daripada atau berpunca daripada pengionan, radiasi atau pencemaran akibat radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau sisa nuklear atau daripada pembakaran bahan api nuklear. Semata-mata bagi tujuan Pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk sebarang proses penyelenggaraan pembelahan nuklear.

Pengecualian Am 3

Kami tidak akan melindungi apa-apa jenis **Kerugian Turutan** atau kerosakan kecuali Perlindungan Sewa.

Pengecualian Am 4

Kami tidak akan melindungi sebarang kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau timbul daripada atau akibat daripada atau disumbangkan oleh sebab-sebab tidak patuh Syariah.

BAGAIMANA KAMI MENYELESAIKAN TUNTUTAN ANDA

1. Kepentingan Takaful yang Dibenarkan

Hanya **Anda** yang berhak membuat tuntutan daripada **Kami**, kecuali jika berlaku kematian kepada **Anda**, atau melalui kuat kuasa undang-undang, penukaran kepentingan **Takaful** ini kepada orang lain hanya boleh berkuatkuasa setelah **Kami** membuat **Pengendorsan Sijil** ini.

2. Tiada Hak Tuntutan Daripada Orang Lain

Walaupun **Sijil** ini melindungi harta milik **Keluarga Anda** atau pembantu domestik **Anda**, hanya **Anda** yang berhak membuat tuntutan bagi pihak mereka.

3. Terhadap kepada Tiga (3) Tetamu Berbayar sahaja

Sijil ini adalah sah jika bilangan tetamu berbayar, penginap dan penyewa rumah penginapan tidak melebihi tiga (3) orang.

Bagi tujuan Manfaat Tambahan – (F) Liabiliti Kepada Awam, tetamu berbayar, penginap dan penyewa rumah penginapan adalah dianggap sebagai penghuni **Anda**.

4. Nilai Pasaran

Kami akan membayar **Ganti Rugi** kepada **Anda** nilai yang dilindungi atau nilai pasaran bagi harta yang dilindungi mana-mana yang lebih rendah, tertakluk kepada pemotongan sebarang **Ekses**.

Nilai pasaran bermaksud nilai bagi harta yang dilindungi ketika berlakunya kerugian atau kerosakan ditolak peruntukan untuk **Haus** dan **Lusuh** dan/atau **Susut Nilai**.

Nilai pasaran akan ditentukan melalui penilaian yang diperolehi oleh **Kami** daripada:

1. Pengeluar/Pekilang;
2. Ejen tunggal atau Ejen yang sah;
3. Broker atau pengedar yang sah;
4. Kontraktor bangunan;
5. Penyelaras Kerugian Berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA) 2013; atau
6. Penilai Berdaftar di bawah Akta Penilai, Pentaksir Dan Ejen Harta Tanah 1981 yang dilantik secara bersama oleh **Anda** dan **Kami**.

Penilaian yang diperolehi adalah bukti muktamad di dalam mana-mana prosiding guaman terhadap **Kami**.

5. Liabiliti Maksimum Kami

Keseluruhan liabiliti **Kami** kepada **Anda** berkaitan dengan kerugian atau kerosakan di dalam mana-mana satu **Tempoh Perlindungan Takaful** tidak akan melebihi amaun yang dinyatakan terhadap setiap butiran atau secara agregat, keseluruhan **Jumlah Dilindungi** yang ditentukan di dalam **e-Sijil** atau jumlah lain yang diendoskan di dalam **Sijil**.

6. Purata

Jika nilai pasaran harta yang dilindungi ketika berlakunya kerugian pada kali pertama adalah secara kolektif mempunyai nilai yang lebih besar daripada **Jumlah Dilindungi** semasa permulaan tempoh perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam **e-Sijil**, maka **Anda** hendaklah bertanggungjawab ke atas perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung kadar kerugian tersebut sewajarnya. Perkongsian kadar kerugian diguna pakai secara berasingan terhadap setiap butiran yang dilindungi.

7. Ekses

Bagi kerugian atau kerosakan (kecuali akibat kebakaran) kepada Bangunan bagi Rumah Kediaman Persendirian oleh mana-mana **Kejadian Yang Dilindungi** yang tertakluk kepada **Ekses, Ekses** digunakan secara berasingan kepada:

- setiap bangunan. Semua bangunan yang dilindungi di **Premis** yang sama seperti yang dinyatakan di dalam **e-Sijil** adalah dianggap sebagai satu bangunan.
- setiap insiden. Jika **Kejadian Yang Dilindungi** yang sama berlaku dalam masa tujuh (7) hari berturut-turut, ia adalah dianggap insiden yang sama.

8. Takaful/Insurans Lain

Jika terdapat sebarang **Sijil Takaful**/polisi insurans lain yang memberi perlindungan yang sama atau sebahagian daripada kerugian, kerosakan atau liabiliti, **Kami** hanya akan membayar mengikut kadar daripada jumlah kerugian, kerosakan atau liabiliti.

9. Subrogasi

Kami berhak untuk melaksanakan di atas nama **Anda** dan bagi pihak **Anda**:

- pengendalian penuh, kawalan dan penyelesaian apa-apa prosiding;
- mendapatkan kembali pampasan atau **Ganti Rugi** dari mana-mana pihak ketiga berkenaan apa-apa yang dilindungi di bawah **Sijil** ini di atas perbelanjaan dan manfaat **Kami** sendiri.

10. Penamatan Sijil Ini

Sijil ini akan ditamatkan secara automatik apabila berlaku mana-mana yang berikut:

- selepas pembatalan **Sijil** ini oleh **Anda**;
- selepas pembatalan **Sijil** ini oleh **Kami**;
- apabila terdapat penipuan atau salah nyata fakta material semasa permohonan;
- apabila **Jumlah Dilindungi** telah dibayar sepenuhnya; atau
- apabila **Sijil** tamat **Tempoh Perlindungan Takaful**.

Jika penamatan disebabkan oleh (a) dan (b), **Kami** tidak akan membayar balik kepada **Anda** amaun **Tabarru'** dan yuran **Wakalah** untuk tempoh belum tamat. Jika penamatan disebabkan oleh (c), **Kami** akan memulangkan kepada **Anda Sumbangan** sepenuhnya termasuk jumlah **Tabarru'** dan yuran **Wakalah**. Jika penamatan disebabkan oleh (d) dan (e), **Kami** tidak akan membayar balik kepada **Anda** yuran **Wakalah**.

Sebarang resit **Sumbangan** oleh **Kami** selepas penamatan **Sijil** ini tidak akan mewujudkan sebarang liabiliti kepada **Kami** tetapi **Kami** akan membayar balik **Sumbangan** tersebut kepada **Anda** tanpa keuntungan.

11. Salah nyata/Penipuan

Sekiranya berlaku salah nyata oleh peserta di mana **Sijil** telah berkuat kuasa untuk tempoh dua (2) tahun atau kurang, ia akan dikendalikan mengikut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang mana ia boleh mengakibatkan yang berikut:

- Sijil** terbatal dan semua tuntutan ditolak;
- perubahan syarat **Sijil**;
- perubahan dalam jumlah **Sumbangan**; atau
- sebarang pilihan lain yang sesuai berdasarkan salah nyata.

12. Hak Akses dan Kawalan

Apabila berlaku apa-apa kerugian atau kerosakan **Kami** berhak untuk:

- memasuki mana-mana bangunan di mana kerugian dan kerosakan tersebut telah berlaku;
- mengambil dan memegang hak milik harta yang dilindungi; dan

3. menguruskan sisaan harta yang dilindungi yang telah rosak.

Walau bagaimanapun, **Anda** tidak boleh membiarkan harta yang dilindungi yang telah rosak itu kepada **Kami**.

13. Manfaat

Semua manfaat yang dinyatakan dalam **Sijil** ini akan dibayar daripada **DTA**.

14. Piagam Khidmat Pelanggan

Anda boleh melayari laman web **Kami** untuk mengetahui lebih lanjut tentang [Piagam Perkhidmatan Pelanggan Kami](#).

15. Arbitrasi (Timbangtara)

Jika terdapat apa-apa pertelingkahan yang timbul mengenai amaun kerugian dan kerosakan di antara **Anda** dan pihak **Kami**, pertelingkahan sedemikian hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh **Anda** dan **Kami**. Sekiranya **Anda** dan pihak **Kami** tidak mencapai persetujuan dengan seorang Penimbang Tara tunggal, dalam tempoh dua (2) bulan apabila dikehendaki secara bertulis untuk berbuat demikian, maka pihak **Anda** dan **Kami** layak untuk melantik Penimbang Tara masing-masing dan hendaklah melantik seorang Pengadil/Wasit untuk mempengerusikan mesyuarat tersebut. Walau bagaimanapun, satu pihak adalah bebas untuk melantik seorang Penimbang Tara tunggal sekiranya pihak yang satu lagi gagal untuk melantik seorang Penimbang Tara dalam masa dua (2) bulan setelah menerima notis secara bertulis untuk melantik seorang Penimbang Tara yang lain.

Kos timbangtara dan keputusan hendaklah diputuskan oleh Penimbang Tara atau Wasit yang membuat keputusan.

Anda dan **Kami** dengan jelas bersetuju bahawa keputusan oleh Penimbang Tara atau Wasit hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum **Anda** boleh memulakan prosiding guaman terhadap **Kami**.

BAGAIMANA UNTUK MEMBUAT TUNTUTAN

1. Notis dan Bukti Tuntutan

Anda hendaklah dengan segera memberitahu **Kami** secara bertulis mengenai apa-apa kerugian atau kerosakan dan:

1. dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas **Kejadian** dan di atas perbelanjaan **Anda** sendiri, menyerahkan kepada **Kami** tuntutan secara bertulis dengan mengemukakan butir-butir terperinci dan bukti-bukti munasabah sebagaimana yang **Kami** perlukan,
2. Bagi kerugian dan kerosakan yang disebabkan oleh kecurian atau percubaan mencuri, **Anda** mestilah membuat laporan polis dengan segera.

2. Tuntutan Liabiliti

Anda hendaklah apabila menerima sebarang notis mengenai apa-apa kemalangan atau tuntutan dari pihak-pihak lain, memberikan notis secara bertulis dengan segera kepada **Kami** dan menyediakan butir-butir penuh secara bertulis kepada **Kami** secepat yang mungkin.

Anda hendaklah menghantar kepada **Kami** dengan segera apa-apa writ, saman atau lain-lain proses perundangan yang dikeluarkan atau dimulakan terhadap **Anda** serta menyediakan semua maklumat dan bantuan yang diperlukan bagi membolehkan **Kami** untuk menyelesaikan atau menghalang apa-apa tuntutan atau untuk memulakan prosiding.

Anda tidak boleh tanpa keizinan bertulis daripada **Kami**:

1. Mengakui atau menyangkal apa-apa tuntutan atau liabiliti; dan
2. Menawar atau berunding untuk membayar tuntutan.

TANGGUNGJAWAB ANDA

1. Kewajipan Menjaga

Anda hendaklah menggunakan segala usaha yang munasabah dan cermat bagi menyelenggara **Premis** tersebut dalam keadaan sesuai untuk dibaik pulih. Sebagai pemilik Kediaman Persendirian, **Anda** hendaklah menggunakan segala ketekunan dan penjagaan yang munasabah untuk memastikan **Premis** dalam keadaan baik pulih dan pada masa yang sama, mengambil langkah berhati-hati untuk mencegah daripada berlakunya kecederaan, kerugian dan kerosakan.

Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kecederaan, kerugian dan kerosakan yang disebabkan oleh kegagalan **Anda** untuk memulihkan kecacatan itu selepas menerima notis daripada **Kami** atau daripada seseorang atau badan awam.

2. Fasal Sijil Tanpa Nilai

Ini adalah suatu **Sijil** tanpa nilai. **Anda** mestilah membuktikan sehingga **Kami** berpuashati akan nilai harta ketika berlakunya kemusnahan atau amaun kerosakan tersebut.

BAGAIMANA SIJIL ANDA BOLEH DIBATALKAN (DIGUNA PAKAI UNTUK BANGUNAN DAN/ATAU ISI KANDUNGAN)

Anda boleh membatalkan **Sijil** ini pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis kepada **Kami**. **Anda** berhak untuk mendapat semula bayaran **Sumbangan** setelah **Kami** mengenakan caj kepada **Anda** berdasarkan kadar jangka pendek biasa **Kami** atau **Sumbangan** minimum yang harus dibayar di bawah **Sijil** ini, mana-mana yang lebih tinggi.

Kami juga boleh membatalkan **Sijil** ini pada bila-bila masa dengan memberi **Anda** notis tujuh (7) hari secara bertulis dan akan mengembalikan semula **Sumbangan** secara pro rata untuk **Tempoh Perlindungan Takaful** yang belum tamat.

FASAL/PENGENDORSAN/WARANTI (DIGUNA PAKAI UNTUK KESELURUHAN SIJIL)

1. FASAL PENJELASAN KEROSAKAN HARTA

Kerosakan harta yang dilindungi di bawah **Sijil** ini hendaklah bermaksud kerosakan fizikal ke atas jirim harta. Kerosakan fizikal ke atas jirim harta hendaklah tidak termasuk kerosakan ke atas data atau perisian, terutama sekali apa-apa perubahan merosakkan ke atas data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh pemadaman, pencemaran atau kecacatan bentuk asal.

Oleh kerana itu perkara berikut tidak termasuk di dalam **Sijil** ini: -

- A. Kerugian atau kerosakan ke atas data atau perisian, tetapi tidak terhad kepada apa-apa perubahan merosakkan ke atas data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh pemadaman, pencemaran atau kecacatan bentuk asal, dan apa-apa kerugian gangguan perniagaan akibat daripada kerugian atau kerosakan sedemikian. Walauapapun pengecualian ini, kerugian atau kerosakan kepada data atau perisian, yang disebabkan secara langsung oleh kerosakan fizikal yang dilindungi ke atas jirim harta, hendaklah dilindungi.
- B. Kerugian atau kerosakan akibat daripada kerosakan fungsi, ketersediaan, kepelbagaian penggunaan atau pencapaian data, perisian atau program komputer, dan apa-apa kerugian gangguan perniagaan akibat daripada kerugian dan kerosakan sedemikian.

2. FASAL PASANGAN DAN SET

Peruntukan menyatakan bahawa jika separuh daripada sepasang atau sebahagian daripada satu set hilang atau rosak, peratusan yang munasabah dan saksama daripada nilai kedua-duanya akan dinilai. **Kami** tidak perlu membayar untuk jumlah nilai keseluruhan set.

3. FASAL PENGENALPASTIAN TARIKH

Adalah difahamkan dan dipersetujui bahawa **Sijil** ini telah dipinda seperti berikut:

- A. **Kami** tidak akan membayar apa-apa kerugian atau kerosakan termasuk kehilangan keupayaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal, kecederaan (termasuk kecederaan anggota), perbelanjaan yang ditanggung atau apa-apa **Kerugian Turutan** secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, terdiri daripada, atau timbul daripada, kegagalan atau ketidakupayaan mana-mana komputer, alat memproses data, media mikrocip, sistem operasi, mikropemproses (cip komputer), sirkit integrasi atau peranti serupa, atau mana-mana perisian komputer, sama ada harta kepunyaan **Anda** atau tidak, dan sama ada berlaku sebelum, pada atau selepas tahun 2000 akibat daripada kegagalan atau ketidakupayaan peranti dan/atau perisian seperti tersebut di atas untuk:
1. mengenalpasti dengan betul apa-apa tarikh sebagai tarikh kalendar sebenar,
 2. merakam, menyimpan, mengekalkan dan/atau mengendalikan dengan betul, menterjemah atau memproses apa-apa data atau maklumat atau perintah atau arahan akibat dari mengambil apa-apa tarikh selain dari tarikh kalendar sebenar dan/atau
 3. merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul apa-apa data akibat dari operasi apa-apa arahan yang telah diprogram ke dalam mana-mana perisian komputer, sebagai perintah yang menyebabkan kehilangan data atau ketidakupayaan untuk merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul data tersebut pada atau selepas apa-apa tarikh.
- B. Adalah selanjutnya difahamkan bahawa **Kami** tidak akan membayar untuk memperbaiki atau mengubah suai mana-mana bahagian pada apa-apa sistem memproses data elektronik atau mana-mana bahagian pada apa-apa peranti dan/atau perisian seperti yang telah disenaraikan dalam Klausula A di atas.
- C. Adalah selanjutnya difahamkan bahawa **Kami** tidak akan membayar apa-apa kerugian atau kerosakan termasuk hilang keupayaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal, kecederaan (termasuk kecederaan anggota), perbelanjaan yang ditanggung atau apa-apa **Kerugian Turutan** secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada nasihat, perundingan, rekaan, penilaian, pemeriksaan, pemasangan, penyelenggaraan, pembaikan atau penyeliaan yang dibuat oleh **Anda** atau untuk **Anda** atau oleh atau untuk pihak lain untuk menentukan, membetulkan atau menguji, apa-apa kegagalan potensi atau sebenar, pincang tugas atau kekurangan seperti yang telah dinyatakan dalam Klausula A di atas.
- D. Adalah selanjutnya difahamkan bahawa **Kami** tidak akan membayar apa-apa **Kerugian Turutan** akibat daripada apa-apa ketidakupayaan berterusan komputer dan alat seperti yang dinyatakan dalam A di atas untuk mengenalpasti dengan betul apa-apa tarikh kalendar sebenar selepas kerugian atau kerosakan harta yang telah diganti atau dibaiki.

Kerugian atau kerosakan, kecederaan (termasuk kecederaan anggota), perbelanjaan yang ditanggung sedemikian atau **Kerugian Turutan** yang dirujuk dalam Klausula A, B, C atau D di atas, adalah dikecualikan tidak mengambil kira apa-apa sebab lain yang menyumbang serentak atau dalam mana-mana urutan pada masa yang sama.

Selainnya tertakluk kepada terma, syarat dan pengecualian **Sijil** ini.

4. FASAL PENGECUALIAN SEKATAN

Kami tidak boleh disifatkan sebagai memberi perlindungan atau bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan atau manfaat seperti yang terkandung dalam **Sijil** ini setakat peruntukan perlindungan itu, pembayaran tuntutan atau manfaat tersebut akan mendedahkan **Kami** kepada apa-apa sekatan, larangan atau pembatasan di bawah resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat, atau mana-mana Negeri kepada Negara-negara diatas dan mana-mana undang-undang dan peraturan-peraturan tempatan yang digunapakai.

5. FASAL PEMATUHAN HARTA MENGIKUT SYARIAH

Adalah dengan ini dipersetujui dan diisytiharkan bahawa **Sijil** ini tidak akan melindungi dan tidak bertujuan untuk melindungi perniagaan, harta, bahan-bahan, saham, wang atau mana-mana instrumen kewangan yang lain (secara kolektif "Harta") dan/atau apa-apa liabiliti dalam apa jua, sama ada sementara atau kekal, yang timbul daripada mana-mana Harta itu jika pada bila-bila masa selepas permulaan **Sijil** ini, **Kami** mendapati Harta itu sebagai tidak patuh Syariah seperti yang diluluskan oleh **Lembaga Penasihat Syariah**. Dalam hal yang demikian, **Kami** berhak untuk membatalkan **Sijil** ini dan membayar balik apa-apa **Sumbangan** yang diterima berkenaan dengannya.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat **Sijil** ini.

6. AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Anda boleh membuat pertanyaan atau permintaan untuk mengakses atau membetulkan Data Peribadi **Anda** atau menghadkan pemprosesan Data Peribadi **Anda** pada bila-bila masa dengan mengemukakan pertanyaan atau permintaan itu kepada **Kami** melalui emel kepada csu@takaful-malaysia.com.my. **Kami** akan menyimpan maklumat peribadi **Anda** hanya selama yang perlu untuk memenuhi tujuan yang baginya ia dikumpulkan atau untuk mematuhi keperluan dasar undang-undang atau peraturan dalaman.

Anda boleh merujuk kepada laman web korporat **Kami** untuk melihat Polisi Privasi **Kami**. **Kami** percaya bahawa **Anda** akan setuju dengan terma-terma di atas untuk memproses Data Peribadi **Anda**. Jika **Kami** tidak menerima sebarang maklum balas daripada **Anda** berkenaan di atas, **Kami** akan menganggap **Anda** dapat menerima perkara tersebut.

7. HAK UNTUK MENAMATKAN KERANA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PEMBIAYAAN KEGANASAN

Sekiranya **Kami** mengetahui atau mengesyaki bahawa **Sijil** dimanfaatkan untuk kegiatan perubahan wang haram atau untuk membiayai keganasan, **Kami** berhak untuk menamatkan **Sijil** dengan serta-merta. **Kami** akan menguruskan semua **Sumbangan** yang dibayar dan semua Manfaat atau jumlah yang perlu dibayar berkenaan dengan **Sijil** melalui apa-apa cara yang **Kami** anggap sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyerahkannya kepada pihak berkuasa berkaitan.

8. PENGURUSAN DANA

Berdasarkan kebenaran yang diberikan kepada **Kami** oleh **Anda** dan peserta yang lain, **Kami** akan menguruskan **DTA** mengikut Syariah dengan memastikan kepentingan peserta terpelihara. **Kami** mempunyai budi bicara untuk membuat sebarang tindakan yang dianggap perlu untuk manfaat peserta dan dana, termasuk tetapi tidak terhad kepada pelaburan dana dan **Takaful** semula yang mencukupi, tertakluk kepada keperluan Syariah dan peraturan.

9. PEMBETULAN KEKURANGAN DAN KERUGIAN

Sekiranya **DTA** mengalami defisit, **Kami** akan memberikan pinjaman tanpa faedah kepada **DTA** berdasarkan **Qard** untuk memperbaiki defisit tersebut. Sebarang keuntungan dari pinjaman akan dimiliki oleh **DTA** (kumpulan peserta) dan pinjaman akan dibayar balik apabila **DTA** kembali ke kedudukan lebihan. **Kami** mungkin menyetepikan hak **Kami** untuk menerima pembayaran balik pinjaman. Sekiranya **DTA** mengalami defisit atau mengalami kerugian akibat dari salah urus atau kecuaiian **Kami**, **Kami** akan melakukan pemindahan secara langsung untuk memperbaiki defisit atau kerugian tersebut.

10. NOTIS

Sebarang surat-menyurat, notis, permintaan, arahan yang diperlukan oleh **Kami** mestilah secara bertulis atau elektronik.

11. PEMBAYARAN SUMBANGAN – PEMBAYARAN SEBELUM PERLINDUNGAN

Anda perlu membayar **Sumbangan** sebelum perlindungan di bawah **Sijil** ini berkuat kuasa.

PERUNTUKAN LAIN

1. YURAN WAKALAH

Yuran **Wakalah** dikenakan di bawah **Sijil** ini adalah lima puluh peratus (50%) daripada **Sumbangan**.

2. AGIHAN LEBIHAN

- a. Sebarang lebihan boleh agih yang timbul daripada **DTA**, seperti yang ditentukan oleh **Kami**, akan diagihkan mengikut nisbah berikut:
 - i. sekurang-kurangnya lima puluh peratus (50%) lebihan boleh agih akan diagihkan kepada peserta yang layak berdasarkan **Hibah**; dan
 - ii. baki daripada lebihan yang boleh agih akan dibayar kepada **Kami** sebagai insentif prestasi berdasarkan **Ju'alah**.

- b. Kelayakan **Anda** untuk lebih boleh agih tertakluk kepada terma dan syarat berikut:
 - i. tiada tuntutan dibuat ketika **Tempoh Takaful**; dan
 - ii. tiada manfaat telah diterima semasa **Tempoh Takaful**.
- c. Jumlah lebihan boleh agih akan dibayar terus ke akaun bank **Anda** dan hanya dibayar / boleh dituntut sehingga enam (6) bulan dari tarikh pengisytiharaan. Selepas itu, **Anda** bersetuju untuk melepaskan kelayakan **Anda** dan jumlah tersebut akan dikreditkan kepada **DTA** oleh **Kami**. Lebihan boleh agih tidak dijamin dan akan berdasarkan pengalaman tuntutan sebenar dan prestasi dana.

3. BAYARAN UNTUK AMAUN KECIL

Untuk sebarang amaun yang patut dibayar dan akan dibayar kepada **Anda** kerana bayaran balik / serahan / matang / penamatan Sijil / tuntutan yang akan dibayar menggunakan selain daripada cara pembayaran elektronik, bayaran tersebut akan hanya dibuat sekiranya amaun yang patut dibayar dan yang akan dibayar berjumlah Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) atau lebih. Untuk sebarang amaun yang kurang Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00), **Kami** akan mendermakannya untuk amal kebajikan.

MEMBUAT PERTANYAAN / ADUAN DAN RAYUAN TUNTUTAN**1. PERTANYAAN / PENGURUSAN ADUAN**

Anda boleh membuat pertanyaan atau aduan berkenaan **Takaful** kepada Unit Khidmat Pelanggan **Kami** (CSU) untuk penyelesaian yang terbaik sebelum merujuk kepada Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) atau BNMLINK, Bank Negara Malaysia. Maklumat untuk dihubungi seperti berikut:

Unit Khidmat Pelanggan (CSU)

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [201701032316 (1246486-D)],
Tingkat 27, Blok Annex,
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.
Peti Surat 11483,
50746 Kuala Lumpur.
Tel: 1300 88 252 385
Faks: 603 – 2274 0237
Emel: csu@takaful-malaysia.com.my
Laman Web: www.takaful-malaysia.com.my

2. OMBUDSMAN PERKHIDMATAN KEWANGAN ATAU BANK NEGARA MALAYSIA

Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan maklum balas **Kami** atau keputusan unit pengurusan aduan **Kami**, **Anda** boleh menghantar aduan sama ada kepada Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) atau BNMLINK, Bank Negara Malaysia (BNM) di alamat berikut antara enam (6) bulan daripada keputusan **Kami**.

Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) (Formerly known as Ombudsman for Financial Services) [200401025885 (664393-P)]

Tingkat 14, Blok Utama Takaful Malaysia
No.4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel: +603-2272 2811
Alamat Borang Web: <https://www.fmos.org.my/en/feedback.html>
Laman Web: www.fmos.org.my

BNM Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK)

Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465 (LINK)
Faks: 03-2174 1515
Alamat Borang Web: bnmlink.bnm.gov.my

GLOSARI

Sesetengah perkataan dan ungkapan di dalam **Sijil** ini mempunyai makna yang spesifik seperti di bawah. Setiap perkataan yang muncul dicetak dalam huruf tebal.

“**Anda**” bermakna orang yang dinamakan di dalam **e-Sijil** sebagai peserta.

“**Banjir**” bermakna limpahan atau lencongan air dari saluran biasa sama ada secara semula jadi atau buatan, pecahan atau limpahan dari saluran air utama awam dan sebarang aliran lain atau pengumpulan air yang berasal dari luar bangunan.

“**Barangan Peribadi**” bermakna barangan milik peribadi yang selalu dipakai atau dibawa oleh seseorang untuk kegunaannya sendiri, sebagai contoh, pakaian, jam tangan dan dompet.

“**Dana Takaful Am atau (“DTA”)** Merujuk kepada dana yang ditubuhkan bagi mengumpul sebahagian daripada **Sumbangan** yang dibayar oleh peserta, berdasarkan **Tabarru’** bagi tujuan memenuhi tuntutan yang berkaitan dengan peristiwa atau risiko yang dinyatakan dalam **Sijil** ini. Dana ini dimiliki secara kolektif oleh kumpulan peserta.

“**e-Sijil**” bermakna **e-Jadual Sijil** di mana kedua-dua barang-barang yang dilindungi dan amaun perlindungan dinyatakan.

“**Ekses**” bermakna amaun yang **Anda perlu** bayar terhadap tuntutan sebelum **Kami** bayar. Jumlah ini akan dinyatakan pada mana-mana Manfaat Pilihan yang terpilih.

“**Ganti Rugi**” bermakna meletakkan **Anda** kembali ke kedudukan kewangan yang asal sebaik sebelum kerugian.

“**Hakisan**” bermakna yang dirosakkan atau dihanyutkan oleh air atau angin.

“**Haus** dan **Lusuh**” bermakna kerosakan atau penurunan nilai melalui umur, penggunaan biasa atau kekurangan penyelenggaraan.

“**Hibah**” merujuk kepada pemindahan hak milik atas satu aset dari penderma kepada penerima tanpa sebarang pertimbangan. Di bawah **Sijil** ini, manfaat yang dibayar dari **DTA** adalah berdasarkan **Hibah**.

“**Ju’alah**” merujuk kepada kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada pihak lain yang berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan. Di bawah produk ini, peserta membenarkan **Kami** untuk menerima sebahagian daripada lebih boleh agih daripada **DTA** sebagai insentif prestasi atas pencapaian Takaful Malaysia dalam menguruskan **DTA** yang menghasilkan lebihan tersebut

“**Jumlah Dilindungi**” bermakna amaun **Anda** yang dilindungi sama ada bangunan **Anda**, **Isi kandungan Anda** (termasuk kandungan ditentukan) seperti yang ditunjukkan di dalam **e-Sijil**. Ini juga termasuk Manfaat Tambahan dan apa-apa Manfaat Pilihan yang dipilih oleh **Anda**.

“**Kami**” dan “**Takaful Malaysia**” bermakna Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad.

“**Kejadian**” bermakna waktu sebenar insiden itu berlaku.

“**Kejadian Yang Dilindungi**” bermakna salah satu peril yang disenaraikan di dalam **Sijil** ini.

“**Kelengkapan**” dan “**Perkakas**” bermakna barangan yang kekal melekat pada bangunan **Anda**.

“**Keluarga**” dan “**Penghuni Rumah**” bermakna mana-mana orang yang selalunya menghuni dengan **Anda**.

“**Kepingan Kaca**” bermakna kaca yang dipasang pada struktur bangunan.

“**Kerugian Turutan**” bermakna kerugian kewangan.

“**Kontrak Takaful Pengguna**” bermakna **Takaful** secara keseluruhannya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion peserta.

“Lembaga Penasihat Syariah” bermakna jawatankuasa Syariah yang ditubuhkan oleh **Kami** untuk tujuan menasihati **Kami** dalam memastikan perniagaan, urusan dan aktiviti **Kami** mematuhi Syariah.

“Pengendorsan” bermakna perubahan secara bertulis kepada terma-terma, syarat-syarat dan had-had **Sijil** ini yang ditunjukkan di dalam **Jadual**.

“Premis” bermakna tanah di alamat yang ditunjukkan di dalam **e-Sijil** di mana bangunan itu dibina, termasuk kawasan atau taman yang digunakan untuk tujuan domestik.

“Qard” Ini merujuk kepada kontrak meminjamkan wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam terikat untuk membayar balik jumlah gantian yang setara kepada pemberi pinjaman. Di bawah **Sijil** ini, **Kami** akan meminjamkan sejumlah wang kepada **DTA** tanpa faedah jika **DTA** mengalami defisit.

“Rompakan dan tahan” bermakna harta benda dilindungi sama ada diambil atau diserahkan; dalam kedua-dua keadaan disebabkan paksaan, ancaman atau ugutan keganasan fizikal yang dibuat terhadap **Anda**, atau mereka yang tinggal dengan **Anda** dalam rumah yang sama, atau orang lain yang dibenarkan berada di **Premis Anda**.

“Sijil” bermakna kontrak **Takaful Anda** yang mengandungi pernyataan **Sijil** ini dan **e-Sijil**.

“Sumbangan” bermakna sebarang amaun yang **Kami** minta **Anda** bayar di bawah **Sijil** ini dan termasuk caj Kerajaan.

“Susut Nilai” bermakna pengurangan dalam nilai barangan atau harta akibat **Haus** dan **Lusuh**.

“Tabarru” bermakna derma untuk tujuan kebajikan. Di bawah produk ini, peserta menderma sebahagian sumbangan kepada **DTA** untuk membantu peserta lain. **Tabarru** berkuat kuasa apabila anda menyumbang kepada **DTA**.

“Takaful” merujuk kepada skim bantuan bersama berdasarkan prinsip persaudaraan, perpaduan dan kerjasama di mana setiap peserta bersetuju untuk menyumbang sejumlah wang berdasarkan **Tabarru** ke dalam dana bersama untuk menyediakan bantuan kewangan yang perlu dibayar kepada peserta, orang yang dilindungi atau penerima manfaat apabila berlakunya peristiwa yang tidak dapat dijangka.

“Tempoh Perlindungan Takaful” bermakna tempoh di mana **Anda** dilindungi. Ia bermula ketika **Kami** bersetuju untuk memberi perlindungan kepada **Anda** dan berakhir pada tengah malam hari perlindungan itu tamat. Tarikh tamat ada ditunjukkan di dalam **e-Sijil**.

“Wakalah” merujuk kepada kontrak di mana sebuah pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya untuk melaksanakan tugas tertentu mengenai perkara yang mungkin diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di bawah **Sijil** ini, **Anda** memberi kuasa kepada **Kami** untuk menguruskan **DTA** berdasarkan **Wakalah** dan sebagai balasan, **Kami** akan menerima yuran **Wakalah**.

“Waranti” bermakna sama ada sekatan atau kewajipan yang dikenakan terhadap **Anda** di dalam **Sijil**. Satu pelanggaran **Waranti** akan melayakkan **Kami** untuk menolak tuntutan **Anda** terhadap kerugian atau kerosakan atau liabiliti.